

28 FEB 2003

Abdullah-Perundingan

KERAJAAN TIMBANG CADANGAN WUJUD MAJLIS PERUNDINGAN WAWASAN 2020

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan supaya Majlis Perundingan Wawasan Kebangsaan diwujudkan bagi memastikan negara berada di landasan betul dalam mencapai objektifnya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata idea untuk menubuhkan majlis perundingan seumpama itu adalah baik dan kerajaan tidak mempunyai sebarang masalah untuk mendengar sebarang cadangan atau pandangan yang dikemukakan.

"Kerajaan perlu putus, tetapi saya rasa idea itu berkesan dan praktikal," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama di Forum Umum mengenai Wawasan 2020 di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai cadangan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) Datuk Micheal Yeoh supaya satu majlis perundingan wawasan kebangsaan diwujudkan bagi memantau pencapaian matlamat negara seperti yang tertera dalam Wawasan 2020.

Dalam ucapan alu-aluan di Forum Umum Wawasan 2020, Yeoh mencadangkan majlis itu dibentuk dengan seberapa segera untuk memastikan matlamat negara seperti pada wawasan 2020 berada di landasan yang betul bagi mencapai objektifnya.

Bagaimanapun, Abdullah berkata cadangan itu perlu diteliti oleh kerajaan terlebih dahulu memandangkan ia merupakan satu cadangan bernas yang melibatkan pelbagai pihak.

Bagaimanapun, beliau tidak memberikan sebarang jaminan bahawa ia akan diterima oleh kerajaan.

Sementara itu, dalam ucap-tamanya di forum itu, Abdullah berkata beliau tetap akan meneruskan wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dilancarkan pada 28 Februari 1991.

"Saya kommitted kepada dasar 2020, kita mesti melaksanakan dasar ini dan saya berharap anak-anak kita yang ada di bangku sekolah dapat dididik mengenai wawasan 2020," katanya sambil disambut dengan tepukan hadirin.

Beliau berkata kepimpinan negara sejak daripada Perdana Menteri pertama serta Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah membentuk satu kesinambungan dalam pelaksanaan dasar-dasar negara.

Abdullah berkata walaupun seseorang pemimpin mungkin tidak sempat melaksanakan dasar tertentu, pengganti tetap memastikan dasar itu diteruskan sehingga mencapai matlamatnya.

-- BERNAMA

AT RV PR